



MUSA AMAN (dua dari kiri) beramah mesra dengan mangsa banjir ketika melawat pusat pemindahan di Beaufort, Sabah, semalam. Turut kelihatan **Mohd. Shahid Othman** (kiri).

Jumlah mangsa banjir di Beaufort, Sipitang meningkat

KOTA KINABALU 22 Jan. - Jumlah mangsa banjir yang dipindahkan ke sembilan pusat pemindahan di daerah Beaufort dan Sipitang dilaporkan meningkat kepada 3,039 orang dengan 40 buah sekolah, termasuk lima di daerah Papar masih ditutup kerana dinaiki air.

Sebuah pusat pemindahan baharu juga telah dibuka di Papar petang ini iaitu di Dewan Masyarakat Bongawan melibatkan 47 mangsa.

Bagaimanapun, pusat pemindahan di daerah Tenom telah ditutup pagi ini dengan paras air di Sungai Padas turun kepada 9.05 meter tetapi masih berada di tahap bahaya.

Banjir yang memaksa 40 buah sekolah ditutup itu menjejaskan 7,092 orang pelajar dan murid termasuk 424 pelajar Sekolah Me-

nengah Kebangsaan St. Patrick di Beaufort yang dijadikan pusat pemindahan mangsa banjir.

Dalam pada itu, Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman yang meninjau kawasan banjir di Beaufort dan Membakut mahu semua pihak turun padang dan bekerjasama dalam membantu mereka yang terjejas akibat bencana tersebut.

Menurutnya, walaupun keadaan adalah terkawal, kerajaan melalui pelbagai jabatan dan agensi akan sentiasa memantau keadaan banjir yang berlaku di negeri ini.

Untuk itu, beliau meminta rakyat agar tidak panik dan sentiasa mendapatkan maklumat yang tepat daripada pihak berkuasa.

Beliau juga mahu sungai dan parit di kawasan yang sering dilan-

da banjir dapat dilebarkan selain mendalamkan kawasan muara supaya air sungai tidak melimpah ke kawasan penempatan penduduk.

"Ini merupakan kali pertama daerah kecil Membakut terjejas teruk banjir berbanding tahun sebelum ini. Penduduk yang tidak pernah mengalami banjir kini terpaksa berpindah," katanya.

Turut sama dalam lawatan itu, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Azizah Mohd. Dun dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Tan Sri Sukarti Wakiman.

Terdahulu, Musa diberi taklimat berkenaan banjir di Beaufort dan Membakut oleh Pegawai Daerah Beaufort, Mohd. Shahid Othman di Bilik Gerakan Banjir Beaufort.